

Pustaka

BULETIN PNM

BIL. 1/2015
ISSN: 0128-8679
KELUARAN
JAN - JUN



PAMERAN PERSADA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM



- 10 | PAMERAN ASEAN:
WARGA KITA, KOMUNITI
KITA, VISI KITA
- 12 | SEMINAR INSTITUSI
RAJA SIRAJ III
- 18 | JOM MEMBACA 10
MINIT

Isi Kandungan

3	Kalam Editor	Berita
4	Dari Pejabat Ketua Pengarah	Lawatan Pasca Banjir PNM Ke Perpustakaan Desa Di Kelantan, Pahang dan Perak
4	Amanat Tahun Baharu	
10	Perasmian	Sukarelawan Dari PNM Perlis
10	Pameran ASEAN: Warga Kita, Komuniti Kita, Visi Kita	29
11	Perlis Lokasi Kedua Samsung Smart Library	30
12	Seminar Institusi Raja Siraj III	31
14	Gerakan Membaca	PNM Juara Kejohanan Sukan Lima Penjuru 2015
14	Kem Membaca 1Malaysia	32
16	Penyertaan Perpustakaan Negara Malaysia Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) ke-34 tahun 2015	Pemurnian Pelan Transformasi PNM
18	Jom Baca Selama 10 Minit	Mesyuarat Majlis Komuniti-Sosio-Budaya Asean (Ascc) 2015
19	U-Pustaka	
19	Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	33
	Baca World 2015 – Pameran Kandungan Digital Pertama Malaysia	Katalog
20	U-Pustaka Kini Melalui Telefon Pintar	Latihan industri Resource Description and Access (RDA)
21	Berita Jawi	Perkhidmatan Kepada Penerbit
21	Karnival Semarak Jawi Politeknik Port Dickson	
23	Galeri	34
23	Sekilas Pandang	Tips
24	Pameran Persada Transformasi Perkhidmatan Awam	Pangkalan Data PNM Digital
26	Pameran Sana Sini	37
28	Pasca Banjir PNM	Literasi Maklumat & Media
		Literasi Maklumat & Media 2015
		38
		Aktiviti Kanak-kanak
		Riang Ria Sayangi Hutan
		39
		Permainan PNM i-Play
		Perpustakaan Komuniti di Mini UTC, Keramat Mall
		40
		Sorotan Pencapaian
		Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014
		44
		Berita Pertukaran / Kenaikan Pangkat
		46
		Info
		Perkongsian ilmu:
		Evidence Based Librarianship
		17 Nilai-Nilai Murni 1MOTAC
		Tips Urus Belanja



Cetakan Pertama 2015

© Perpustakaan Negara Malaysia, 2015



Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, 232 Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Buletin Pustaka / Perpustakaan Negara Malaysia, - 1985 - .

- Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia, 1985 - .

Tahunan

ISSN 0128-8679



1. Libraries, National Malaysia. 2. Corporation reports. © Perpustakaan Negara Malaysia

Sidang Redaksi 2014/2015

Kalam Editor



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam 1 Malaysia

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinNya dapat kita bersua lagi dalam Buletin Pustaka Bil 1/2015. Terlebih dahulu, tahniah dan syabas kepada seisi warga Sidang Redaksi dan semua yang terlibat dalam menyumbangkan penulisan dan idea bagi keluaran kali ini.

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berjaya menelusuri Tahun 2014 dengan pelbagai kejayaan khususnya dalam penganjuran persidangan dan pameran di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

PNM membuka lembaran tahun baharu 2015 dengan agenda pelan transformasi PNM yang akan dijadikan motivasi kepada seluruh warga PNM untuk mencipta kejayaan di persada keilmuan.

Buletin kali ini memuatkan pelbagai aktiviti sepanjang bulan Jan - Jun 2015. Kemuncak aktiviti PNM adalah Pameran Persada Transformasi Penjawat Awam, Pameran ASEAN: warga kita, komuniti kita, visi kita, dan Jom Baca 10 Minit sempena Hari Buku Sedunia. Turut dikongsi juga adalah peristiwa bencana yang menimpa beberapa buah perpustakaan desa di Kelantan, Pahang dan Perak akibat banjir yang melanda Negara. Semoga musibah yang berlaku ini memberi banyak ruang untuk kita menambahbaik pengurusan bencana.

Akhir kata semoga seluruh warga PNM sebagai penjawat awam akan sama-sama melaksanakan agenda perdana iaitu memainkan peranan sebagai pemacu perubahan dalam pelan transformasi perpustakaan dan mengorak langkah menuju kegemilangan.

Wasalam.

HASHIMAH MOHD. YUSOFF

KETUA PENGARAH

Hajah Nafisah binti Ahmad

PENASIHAT

Kamarudin bin Mat Nata

KETUA EDITOR

Hashimah binti Mohd Yusoff

EDITOR

Azfaradila binti Zainal Abidin

PENOLONG EDITOR

Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya

PENYUMBANG ARTIKEL

Katrun Nada binti Hashim

A. Azli bin A. Rahim

Mastura binti Husin

Nor Amin bin Maidin

Nor Azila binti Mohd Noor

Mohd Redzuan bin Ramli

Rosmini binti Ismail

Che Faizatul Hanim binti Mahmood

Nur Fatihah Al-Zahra

Haizatul Afni Bakhtiar

Salwana binti Fadzil

PENTADBIR WEB JABATAN

Mohd Faizul bin Sukeri

FOTOGRAFI

Muhamad Khairi bin Jaafar

Bahagian Sumber Elektronik

PENGEDARAN

Bahagian Komunikasi Korporat

Perpustakaan Negara Malaysia

SUSUN ATUR DAN KONSEP

Mohd Firdaus bin Ngah Sa'aya

GRAFIK DAN CETAKAN

ERA MAJU MARKETING SDN. BHD. (842641-D)

No.54, Jalan Metro Perdana Timur 10

Taman Usahawan Kepong

52100 Kuala Lumpur

**SEBARANG SUMBANGAN ARTIKEL BOLEHLAH
DIAJUKAN KEPADA :**

Bahagian Komunikasi Korporat

232 Jalan Tun Razak

50572 Kuala Lumpur

TEL : 03 26871700 Samb 1826 1945

EMAIL : bkk@pnm.gov.my

Dari Pejabat Ketua Pengarah

AMANAT KETUA PENGARAH PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA 20 JANUARI 2015

MUKADIMAH

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi, Selawat dan Salam buat junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W. Dengan Rahmat dan izin oleh yang Maha Esa, maka dapat kita sama-sama berkumpul dalam perhimpunan bulan Januari tahun 2015 ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun 2015 kepada semua warga PNM yang pasti berkehendakkan kita lebih bersedia dalam menempuh cabaran yang semakin mencabar.

TAKZIAH KEPADA MANGSA-MANGSA BENCANA

Tidak dilupakan, dalam kita bersyukur kerana dipanjangkan lagi umur untuk berada dalam tahun baru 2015, saya juga menumpang simpati kepada kakitangan-kakitangan kita yang menerima musibah bencana banjir pada penghujung Disember 2014 yang lalu. Bukan itu sahaja, malah saya juga turut simpati kepada mangsa-mangsa bencana yang berlaku sepanjang tahun lalu.

Dalam bencana banjir yang berlaku pada Disember baru-baru ini, bukan sahaja kakitangan PNM yang menjadi mangsa banjir, malah kakitangan gunasama dan 32 kediaman kakitangan perpustakaan desa turut ditimpa bencana tersebut. Selain itu, 16 buah bangunan perpustakaan desa turut ditenggelami air melibatkan negeri-negeri di Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan dan Perak.

Segala cabaran dan dugaan yang dihadapi diharapkan mangsa-mangsa bencana menjadi lebih tabah dan redha terhadap ketentuan Allah S.W.T

Atas dasar perihatin Jabatan, maka satu pasukan sukarelawan Misi Bantuan Bencana Banjir telah ditubuhkan bagi membantu mangsa-mangsa banjir. Selain menyampaikan bantuan kepada kakitangan, pasukan ini juga menyumbang tenaga membantu membersihkan bangunan-bangunan Perpustakaan Desa yang terjejas teruk.

Warga PNM yang dikasihi sekalian,

Disebalik dugaan ini terdapat hikmah yang kita sama-sama dapat rasakan. Atas tanggungjawab sebagai insan yang bersaudara, masyarakat Malaysia termasuk kakitangan PNM bersama-sama menyumbangkan pelbagai bentuk bantuan mengikut kemampuan masing-masing untuk meringankan



bebanan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa bencana. Justeru, saya mengambil peluang ini juga untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan-kakitangan yang telah sama-sama menghulurkan sumbangan. Inilah hikmahnya yang dapat kita rasa iaitu masyarakat yang saling bantu-membantu apabila ada kesusahan yang sedang dialami. Semoga nilai sebegini menjadi sebahagian nilai murni yang berterusan di PNM, InsyaAllah.

KE ARAH KAKITANGAN PNM BERINTEGRITI

Tanpa disedari, inilah sebahagian nilai-nilai murni yang dihayati menjadikan kakitangan PNM yang harmoni, saling bekerjasama serta saling bantu-membantu.

Dalam bekerja, nilai-nilai asas ini jugalah yang akan membawa Jabatan kepada tahap yang lebih berjaya. Jika setiap daripada kakitangan memainkan peranan yang sama penting mengikut keperluan tugas yang diamanahkan, sudah tentu setiap misi dan visi PNM dapat dicapai.

Nilai-nilai murni ini jugalah menjadi asas ke arah penerapan nilai-nilai yang lebih unggul atau senangnya disebut nilai integriti kepada semua kakitangan.

Selari dengan itu, bagi memberi panduan serta ikatan Aku Janji, Jabatan juga akan menerbitkan Etika Kerja PNM yang baru dalam masa terdekat. Tujuannya adalah untuk memastikan setiap kakitangan di semua peringkat dapat menghayati nilai-nilai teras dan nilai-nilai bersama yang perlu diamalkan. Daripada nilai-nilai ini akan menjana mutu dan kualiti perkhidmatan kepada rakyat yang lebih baik pada masa hadapan.

Dalam tahun ini juga, satu Audit Nilai kepada kakitangan PNM, Perpustakaan Negara Negeri Perlis dan Perpustakaan Desa akan dilaksanakan oleh Unit Integriti. Audit Nilai ini bertujuan untuk menilai kedudukan nilai-nilai yang ada pada kakitangan secara keseluruhan dan melalui rumusannya dapatlah nanti kita menilai apakah nilai yang wujud di Jabatan PNM.

TRANSFORMASI PNM

Bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan PNM, pada tahun lalu PNM telah merangka satu pelan Transformasi PNM bagi mencapai maksud tersebut iaitu:

- Pemukiman Agenda Pelan Transformasi Pertama pada 10 hingga 12 Oktober 2014 dan
- Pemukiman Agenda Pelan Transformasi Kali Kedua pada 15 hingga 16 Disember 2014.

Agenda Pelan Transformasi PNM melibatkan 5 kumpulan teras strategik transformasi iaitu:

- Teras 1 - Mendaya Upaya Bakat bertujuan meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi kakitangan;
- Teras 2 - Merekayasa Organisasi bertujuan Meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi;
- Teras 3 - Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan bertujuan Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam;
- Teras 4 - Merangkum dan Sepunya bertujuan memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik dalam serta luar Negara; dan
- Teras 5 - Membudaya Nilai bertujuan membudayakan patriotism, nilai-nilai murni, etos dan integriti.

Pada masa ini, agenda pelan transformasi PNM ini telah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dinilai sebelum dilaksanakan. Setelah mendapat kelulusan, insyaAllah agenda transformasi ini akan dilaksanakan dalam tempoh 3 tahun.

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Selari dengan itu, PNM juga sedang meningkatkan jalinan kolaborasi dengan pelbagai pihak melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy - NBOS) bagi memastikan setiap pelan tindakan yang dirancang dapat direalisasikan dan menepati kehendak pengguna.





En Wan Yuhaimisham, Ketua Unit Integriti mengetuai bacaan ikrar

Untuk bergerak seiring dengan kehendak pasaran transformatif kepada negara, PNM tidak boleh bergerak secara solo sebaliknya perlu melibatkan pelbagai agensi dalam dan luar negara.

Pada tahun 2014, PNM telah mengadakan pelbagai kolaborasi bagi meningkatkan mutu, kualiti perkhidmatan serta meningkatkan fungsi PNM di mata masyarakat. Antara agensi yang terlibat termasuklah Kementerian Kewangan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Maybank, Samsung Malaysia Electronic, Lincoln Resource Centre, Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia, Syarikat ExxonMobil dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

PENCAPAIAN PROGRAM-PROGRAM 2014 PNM

Melalui inisiatif Strategi Lautan Biru ini, PNM telah melaksanakan pelbagai projek dan program sepanjang tahun 2014 termasuklah:

- Membangunkan Sistem Pengurusan Ilmu Jabatan (Knowledge Management) iaitu Vshara
- Karnival Membaca 1Malaysia
- Majlis Pelancaran Perpustakaan Bestari Samsung
- Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu

- Majlis Pelancaran Koleksi Amerika Syarikat (American Shelf)
- Menaik taraf Perpustakaan Kanak-kanak dan
- Mewujudkan Perpustakaan Komuniti Mini di Mini UTC Keramat Mall selain

CADANGAN PROGRAM-PROGRAM 2015 PNM BERSKALA BESAR

Bagi tahun-tahun berikutnya, PNM akan terus meningkatkan kolaborasi dengan pelbagai agensi lain lagi bagi memastikan Strategi Lautan Biru Negara mampu memberi kesan yang baik kepada Perkhidmatan PNM. Dengan itu, PNM pada tahun ini telah merancang program-program berskala besar termasuk :

- Seminar Institusi Raja (SiRaj III) pada 26 Februari 2015
- Perasmian Perpustakaan Desa Bukit Mak Insun, Pendang Kedah pada Mac 2015
- Program "Melentur Buluh Biar Dari Rebung" pada 8 April 2015
- Pameran ASEAN pada 4 Mei hingga 4 Jun 2015

Tahun Festival Malaysia 2015

Selain itu, pada tahun 2015 ini, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah menjadikan tahun ini sebagai Tahun Festival Malaysia (MyFest Year) bertemakan "Endless Celebrations" yang bertujuan menonjol dan

meraikan kepelbagaian budaya serta perayaan yang terdapat di Malaysia. Pelbagai program telah dirancang dalam usaha menarik pelancong asing datang ke Malaysia seterusnya menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah pusat pelancongan terkenal di dunia.

Selari dengan Tahun Festival Malaysia 2015 ini, PNM juga akan menyokong usaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dengan mengadakan 4 program berikut:

- Book For Us pada 24 April hingga 5 Mei 2015
- Youth @ Read pada 31 Julai hingga 2 Ogos 2015
- Malaysia Book Village Fest pada 12-20 September 2015 dan
- Kids @ Read pada 30 Oktober hingga 1 November 2015

PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN BAWAH RMK-10

Selain itu, PNM di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 telah melaksanakan 5 projek iaitu :

- Pertama: Pembinaan Bilik Stek melibatkan Aras 6 hingga Aras 11 Menara PNM:

Pembinaan ini bertujuan untuk memelihara bahan koleksi Malaysiana untuk generasi masa kini dan akan datang serta meningkatkan kualiti pengurusan koleksi Malaysiana dengan lebih sistematik.

Untuk makluman semua warga juga, projek pembinaan Bilik Stek, Menara PNM sedang dalam peringkat rekabentuk dan kerja-kerja pengukuhkan struktur bangunan Menara PNM telah pun dimulakan. Oleh yang demikian, kawasan parkir aras 4A telah ditutup sebahagian kawasan bermula 12 Januari 2015 sehingga September 2015 bagi tujuan kerja-kerja tersebut. Sepanjang projek ini berlangsung, akan terdapat sedikit gangguan kepada semua warga kerja PNM dan juga pengunjung perpustakaan. Sehubungan itu, adalah dipohon kerjasama semua warga PNM dapat memberi penjelasan kepada pengunjung perpustakaan bahawa kerja-kerja pembinaan sedang dijalankan bagi melengkapkan bilik stek demi kemudahan pengguna di masa akan datang.

- Kedua: Pembinaan Bangunan Baru Perpustakaan Awam Negeri Pahang
- Ketiga: Pembinaan Bangunan Perpustakaan Awam Cawangan Kinabatangan, Sabah



- Keempat: Pembinaaan 6 unit Perpustakaan Desa melibatkan negeri Pahang, Perak dan Melaka
- Kelima: Pembinaan Perpustakaan Bangunan Baru Perpustakaan Awam Negeri Sembilan

PROJEK PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN BAWAH RMK-11

Seterusnya, bagi Rancangan Malaysia Ke-11, satu pendekatan baharu yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau Malaysian National Development Strategy (MyNDS). MyNDS adalah berdasarkan ekonomi berteraskan rakyat (people economy) yang menekankan peningkatan kesejahteraan rakyat dan ekonomi berdasarkan modal (capital economy) yang menumpukan kepada pencapaian pendapatan yang tinggi. MyNDS akan memberi keutamaan kepada inisiatif yang mempunyai impak tinggi terhadap kedua-dua teras tersebut dan boleh dilaksanakan segera dengan kos yang rendah (high impact, fast execution and low cost).

Dalam hal ini, projek pembangunan perpustakaan merupakan salah satu teras peningkatan untuk kesejahteraan rakyat. Oleh itu, kita harus menetapkan hala tuju pembangunan perpustakaan yang dapat memberi impak tinggi kepada rakyat Malaysia dan menepati konsep MyNDS ini serta memastikan perkhidmatan perpustakaan terus relevan kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Apa jua yang telah saya sebutkan ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan jika tidak mendapat kerjasama dan sokongan padu di semua peringkat kakitangan. Justeru, semua kakitangan Jabatan perlu melihat setiap perkara yang diusahakan dengan lebih serius. Semua yang ada di jabatan ini mempunyai peranan masing-masing untuk menjayakan apa yang telah digerakkan.

PEMANTAPAN ORGANISASI PNM

Selari dengan pembangunan kompetensi kakitangan yang berterusan, struktur organisasi juga perlu dibangunkan dengan lebih baik. Justeru, seperti sedia maklum, pada 15 September tahun 2014 yang lalu, jabatan telah pun melaksanakan pemantapan struktur organisasi PNM. Melalui pemantapan ini, perjawatan asal PNM iaitu sebanyak 484 jawatan telah ditingkatkan kepada 512 jawatan meliputi semua kumpulan. Nama-nama 15 bahagian juga telah dikemaskini dengan nama yang baru sesuai dengan fungsi yang telah dimantapkan.

Sesi Town Hall untuk memperkemas dan menyelaras struktur bahagian dan fungsi setiap bahagian juga telah diadakan secara berfasa dengan semua bahagian. Banyak perkara terutama dari segi fungsi setiap bahagian telah ditambah baik agar tiada lagi pertindihan fungsi antara bahagian.

InsyaAllah, jabatan juga akan mempertimbangkan kepada penstrukturkan semula organisasi PNM dalam waktu terdekat bagi menampung keperluan kakitangan untuk menjalankan fungsi setiap bahagian. Daripadanya diharapkan PNM dapat berfungsi dengan lebih efisyen dan efektif pada masa hadapan.

BUDAYA KERJA

Setelah banyak perkara diambil kira dan dibuat penambahbaikan, namun untuk menjadi maju, satu sahaja keperluan yang perlu kita letakkan sebagai keperluan paling atas iaitu budaya kerja. Cara kita bekerja serta kesanggupan kita untuk berubah terhadap keperluan semasa merupakan perkara paling asas untuk kita melangkah ke peringkat yang lebih jauh. Dengan adanya agenda transformasi PNM, pemantapan organisasi, penstrukturkan semula, dan pembangunan kompetensi yang berterusan akan memantapkan budaya kerja kita. Jika kita mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi, maka kita akan capai kejayaan yang tinggi juga dan begitulah sebaliknya.

Budaya kerja inilah yang akan menentukan persiapan kita untuk menghadapi pelbagai cabaran yang semakin hebat pada masa-masa hadapan.

4 FOKUS MENGHADAPI CABARAN 2015

Kerana itu, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Najib Tun Razak telah menggariskan 4 fokus yang perlu diberi perhatian serius dalam menghadapi cabaran dan ancaman tahun 2015. 4 fokus tersebut adalah:

- Pertama: Cabaran dan keamanan, keselamatan serta keharmonian
- Kedua: Rasuah dan salah guna kuasa
- Keempat: Amalan budaya berprestasi tinggi

KEPERLUAN KAKITANGAN KE ARAH KEGEMILANGAN PNM

Daripada 4 fokus yang telah digariskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya lanjutkan pula kepada 6 keperluan setiap daripada kita untuk membawa PNM ke suatu peringkat yang gemilang serta lebih dikenali masyarakat.

- Pertama: Setiap daripada kita perlu bersedia untuk berubah kepada budaya kerja berprestasi tinggi.



Ketua Pengarah menyampaikan Sijil Penghargaan kepada Pekerja Cemerlang, Encik Ibrahim Sabtu

- Kedua : Sanggup berkorban dalam erti kata sanggup memberi komitmen yang tinggi, tidak terlalu berkira dalam melaksanakan tugas dan mampu untuk mengorbankan budaya kerja negatif kepada budaya kerja yang lebih positif.
- Ketiga : Nilai Kekeluargaan di kalangan seluruh kakitangan perlu disemai dengan lebih mantap. Dengan nilai ini, setiap daripada kita akan saling hormat-menghormati, saling bantu-membantu dan bekerja sebagai sebuah pasukan.
- Keempat : Positif dalam setiap perkara yang diamanahkan iaitu berfikir ke arah kesejahteraan pengguna perpustakaan. Ini melibatkan tingkah laku serta tindakan kita terhadap sesuatu perkara.
- Kelima : Visi hidup perlu dimantapkan. Dengan adanya visi ini, setiap daripada kita perlu mempunyai niat dan meletakkan kerja sebagai ibadah. Dengan itu, visi hidup kita akan lebih sempurna kerana hasil dalam pekerjaan kita akan memberi kesan terhadap keluarga, dan masyarakat sekeliling kita.
- Dan yang keenam : Mesra dalam erti kata sentiasa mewujudkan suasana yang baik, mesra dan selesa kepada rakan sekerja, pelanggan, kakitangan serta pemimpin kita.

Mulakan dengan niat, laksanakan dengan tindakan, selebihnya kita serahkan kepada Allah S.W.T. untuk menentukan kejayaan kita di kemudian hari.

HARAPAN

Oleh itu, sebagai Ketua di jabatan ini, besarlah harapan saya agar setiap daripada kita dapat mengambil intipati serta menghayati maksud yang telah disampaikan dalam ucapan ini, untuk kita sama-sama mencapai visi jabatan seterusnya membeberi perlakhidmatan terbaik kepada masyarakat.



Semoga setiap apa yang kita usahakan di jabatan ini memberi makna dan nilai bukan sahaja kepada pelanggan kita, tetapi juga terhadap kepuasan diri kita apabila setiap yang kita laksanakan mendapat kesan yang baik kepada orang di sekeliling kita. Ingatlah akhirnya apa saja yang kita lakukan dengan ikhlas akhirnya menjadi ibadah. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

Mutiara kata

- ◊ Ilmu pengetahuan seumpama perigi di padang pasir dan bintang di malam yang gelap dari itu kejarilah ilmu seberapa daya yang dapat
- ◊ Keikhlasan seumpama seekor semut hitam dia atas batu hitam di malam yang amat kelam, ianya wujud tapi amat sukar dilihat. Jangan tertipu dengan terangnya bulan kerana di sebalik terang itu banyak kegelapannya

PERASMIAN

Oleh: Hashimah Mohd Yusoff



PAMERAN ASEAN EXHIBITION

Warga Kita, Komuniti Kita, Visi Kita
Our People, Our Community, Our Vision

MALAYSIA 2015



PNM telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Pameran ASEAN sempena Pelantikan Malaysia sebagai Pengurus ASEAN 2015 dan tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN ke 26.

PNM dengan kerjasama NSTP menganjurkan Pameran ASEAN ini sebagai platform untuk mempromosi maklumat mengenai ASEAN. Objektif pameran adalah:

- Mempromosi kebudayaan, warisan dan pelancongan Negara ASEAN
- Mempromosi karya terlaris Negara-negara ASEAN
- Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai Negara ASEAN

Pameran ini betonmakan ASEAN; warga kita, komuniti kita, visi kita rbahagi kepada 5 segmen iaitu maklumat Negara-negara ASEAN, Perpustakaan Negara ASEAN, Piagam ASEAN, ASEAN Blueprint dan ASEAN dalam akhbar.

Majlis telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan YBhg Tan Sri Dr Ong Hong Peng pada 30 Jun 2015 di Perpustakaan Negara Malaysia. Yang turut hadir adalah Duta Laos, Khamphan Anlavan; Duta Mynmar, U Zaw Myint; Duta Filipina, J. Eduardo Malaya; Duta Indonesia, Trigustono Supriyanto.

Pameran ASEAN akan berlangsung sehingga akhir tahun ini yang bertujuan memupuk minat terutama kepada generasi muda terhadap peranan dan tanggungjawab memalar segarkan warisan budaya ASEAN.

Di PNM, sudut ASEAN menempatkan lebih 5,000 koleksi buku yang boleh dirujuk oleh rakyat Malaysia dalam menyampaikan maklumat-maklumat Negara ASEAN.

Di samping itu, aktiviti Kuiz ASEAN turut diadakan bagi tempoh Jun – Ogos 2015 dan Bicara ASEAN diadakan pada 27 Julai 2015. Sepanjang tempoh ini filem-filem dari Negara-negara ASEAN juga turut ditayangkan.



PERASMIAN

PERLIS Lokasi Kedua **SAMSUNG** *Smart Library*



Perpustakaan Awam Negeri Perlis Cawangan Perpustakaan Negara Malaysia telah dipilih sebagai lokasi kedua Perpustakaan Bestari Samsung atau Samsung Smart Library.

Perpustakaan Bestari diwujudkan hasil kerjasama pintar PNM dan Samsung Malaysia Electronics Sdn Bhd (SME) berdasarkan inisiatif untuk meluaskan akses orang ramai kepada maklumat serta memupuk tabiat membaca di kalangan rakyat. Perasmian telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Turut berangkat adalah, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Raja Muda Perlis ketika bertitah, memuji kerjasama pintar PNM dan SME dalam menyediakan inisiatif baharu capaian maklumat untuk warga Perlis terutamanya generasi muda. Kewujudannya akan memberi peluang kepada rakyat untuk menikmati pembaharuan pusat maklumat yang canggih dan interaktif, menggalakkan pembelajaran sepanjang

hayat yang lebih baik dan memastikan maklumat dapat diakses secara mudah oleh semua golongan.

Manakala Ketua Pengarah PNM pula berkata, "perpustakaan baharu ini menawarkan peranti dan  sebagai teknologi terkini Samsung yang memberikan pengguna pengalaman baharu membaca secara digital. Diharapkan ianya akan dapat memberi inspirasi kepada orang ramai untuk meneruskan tabiat membaca dan juga meningkatkan kemahiran teknologi maklumat mereka."





Seminar Institusi Raja Siraj III



"Institusi Diraja akan lebih mendapat perhatian terutama oleh generasi baharu sekiranya teks Sejarah Melayu dapat diketengahkan dengan lebih meluas sama ada dalam bentuk penerbitan, wacana atau seminar." Ucaptama Tan Sri Dr Rais Yatim (27 Februari 2015, BH)

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Seminar Institusi Raja (Siraj) III : Pemerintahan Diraja Dalam Manuskip Melayu dengan temanya "Mendaulatkan Pemerintahan Beraja" telah diadakan di Menara Dewan Bahasa dan Pustaka pada 26 Februari 2015.

Seminar yang mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri Perlis, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Dunia Melayu Dunia Islam serta Persatuan Perlis Kuala Lumpur itu bertujuan untuk mendaulatkan pemerintahan raja di negara ini telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP.

Objektif penganjuran seminar ini ialah memberi pemahaman yang meluas tentang kepentingan raja atau sultan dalam pemerintahan sesebuah kerajaan seterusnya mendaulatkan institusi tersebut.

Seminar Siraj III telah menerima penyertaan seramai 250 orang terdiri daripada para akademik dan cendekiawan, guru, pegawai kerajaan dan swasta, pegawai-pegawai perpustakaan negeri dan negara, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta mahasiswa daripada institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Dalam pada itu, banyak 12 kertas kerja akan dibentangkan dalam seminar selama sehari tersebut dengan memberi penekanan kepada enam skop iaitu Kepimpinan Diraja, Pembangunan

PERASMIAN



Ekonomi Pemerintahan Diraja, Pembinaan Kesenian dan Kebudayaan Pemerintahan Diraja, Pendakwahan Pemerintahan Diraja, Hubungan Luar Pemerintahan Diraja dan Surat-Surat Diraja. Ucaptama Siraj III telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Rais Yatim.

Sementara itu antara pembentang kertas kerja adalah Pengarah Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM) UniMAP, Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam dan Pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Mohd. Kasri Saidon.

Perpustakaan Negara Malaysia bersama Dewan Bahasa dan Pustaka berperanan untuk membangunkan pameran Diraja. PNM telah mempamerkan manuskrip Melayu dalam bentuk replika seperti Misa Melayu, Taj As-Salatin , Cop Mohor seterusnya juga karya Agung masing-masing iaitu Hikayat Hang Tuah, dan Sulalatus Salatin. PNM juga mempromosikan sumber-sumber rujukan khazanah ilmu seperti manuskrip Melayu dan, Nadir melalui Kiosk PNM.



Oleh: Rosmini Ismail



Gerakan Membaca



**KEM
MEMBACA
1 Malaysia**



Program Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) 2015 yang merupakan program persepaduan pintar strategi lautan biru (NBOS) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Tahun 2015 merupakan tahun ke tujuh program KM1M dilaksanakan.

Antara Objektif KM1M adalah:

1. Menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan masyarakat bermaklumat yang berkualiti dan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu pengetahuan;
2. Menyebar luas kepentingan literasi maklumat kepada masyarakat amnya dan kepada kumpulan sasaran khususnya;
3. Meningkatkan kemahiran teknik pencarian, penilaian, penggunaan, pengurusan, dan penyebaran maklumat secara berkesan, tepat dan beretika;
4. Mempromosi produk dan perkhidmatan PNM kepada warga Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya pelajar dan guru/pendidik.

Majlis Pelancaran KM1M 2015 telah diadakan pada 24 April 2015 di Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Afzan, Kuantan, Pahang. Majlis disempurnakan oleh Encik Zaidi Bin Yazid, Pengarah Bahagian Teknologi Pendidikan mewakili Datuk Dr Khair bin Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Puan Maizan Ismail, Timbalan Ketua Pengarah PNM telah mewakili Ketua Pengarah PNM menyampaikan ucapan alu-aluan.



Pelajar-pelajar dari lima buah sekolah terpilih di sekitar Kuantan menghadiri Majlis Perasmian

Cerakan Membaca



Antara aktiviti Kem Membaca 1 Malaysia yang disertai oleh pelajar-pelajar sekolah

Seramai 600 orang telah menghadiri majlis termasuklah pegawai KPM dan PNM, guru-guru, ibu-bapa, orang awam, pelajar sekolah rendah dan menengah.

Aktiviti yang dijalankan adalah:

Kem Perdana Literasi Maklumat dan Media

Kem Perdana LMM adalah pengisian utama bagi Kem Membaca 1Malaysia (KM1M) 2015. Kem ini diadakan serentak di 5 buah sekolah terpilih sekitar Kuantan iaitu SMK Tengku Afzan, SM Teknik, SMK Alor Akar, SMK Teluk Chempedak dan SMK Tok Sira. Aktiviti LMM merangkumi ceramah, kuiz refleksi minda, latihan hands-on dan aktiviti berkumpulan. Taklimat yang disampaikan adalah berdasarkan kepada Modul Tahap Pertengahan. Seramai 583 pelajar tingkatan 3-5 telah menyertai kem ini.

Ceramah Peranan Ibu Bapa Dalam Membentuk Generasi Cemerlang

Satu sesi ceramah bertajuk "Peranan Ibu Bapa Dalam Membentuk Generasi Cemerlang" telah diadakan bagi menekankan kepentingan memupuk amalan membaca kanak-kanak yang seharusnya bermula dari rumah. Ceramah ini disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr Tengku Asmadi bin Tengku Mohamad. Seramai 1,000 orang terdiri daripada wakil-wakil PIBG, guru dan pelajar hadir ke ceramah ini.

Sesi Motivasi Bersama Penceramah Motivasi

Sesi ini memberi peluang kepada 1,000 orang pelajar sekolah daripada kawasan sekitar Kuantan untuk meningkatkan keyakinan diri melalui perkongsian sesi motivasi bersama Encik Abdul Razak Muthalib, penceramah jemputan dari Amin Idris Training Consultant (AITC).

Mutiara kata

- ◊ Menilai diri sendiri adalah lebih susah dari menilai 1000 orang lain
- ◊ Akar ilmu itu memangnya pahit tetapi buahnya adalah lazat
- ◊ Melakukan kesilapan itu manusia dan memaafkan kesilapan itu ialah kemanusiaan
- ◊ Kejayaan adalah suatu pejalan bukannya suatu destinasi
- ◊ Orang yang hina adalah sentiasa mencela orang lain, manakala orang yang mulia adalah sentiasa mencela dirinya.
- ◊ Buah akal adalah pengetahuan, buah jiwa adalah iman dan buah fizikal adalah kemajuan.

Gerakan Membaca

Oleh: Mohd Firdaus Ngah Sa'aya



PENYERTAAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA SEMPENA PESTA BUKU ANTARABANGSA KUALA LUMPUR (PBAKL) 2015

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) semenjak tahun 2003. Tahun 2015 merupakan tahun ke 12 PNM menyertai acara tahunan ini. Tema PBAKL kali ini ialah "Buku : Menjana Kepintaran Kreatif atau dalam bahasa inggeris



Books : Generating Creative Intelligence".

PBAKL adalah platform bagi industri buku mempamerkan buku baharu yang diterbitkan malahan semakin menjadi popular kerana

kerancakan pengeluaran buku-buku baharu bagi memastikan memenuhi kehendak pengguna pada hari ini yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur.



Bagi PNM pula acara utama yang disertai adalah jualan buku terbitan PNM. Terdapat 4 buah buku baharu iaitu Pulo Ka Satu : Satu Sejarah Persuratan Melayu Pulau Pinang, Travelog Pulau Buton, Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas dan Panduan RDA Malaysia yang dijual semasa PBAKL 2015. Bagi tujuan promosi mukadepan buku tersebut adalah seperti berikut :

Panduan RDA
Malaysia

Pulo Ka Satu: Warisan
Sejarah Awal Persuratan
Melayu Pulau Pinang

Travelog Pulau Buton:
Menjejak Warisan Melayu
Islam

Kaedah Pembelajaran
Jawi Peringkat Asas



Aktiviti yang menarik di Pavilion PNM adalah seperti berikut :

- Kaunter Jualan Terbitan PNM
- Kaunter Penerangan
- Kaunter Sumber Elektronik / U-Pustaka
- Kaunter ISBN/ISSN/PDP
- Kaunter Demo Khat/Karikatur

Bil	Tarikh/Masa/Lokasi	Aktiviti
1.	29 April 2015 / 11.00 pagi / Bilik Kuala Lumpur, Aras 5 PWTC	Bicara buku (Bacaan kegemaran saya) Oleh Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
2.	30 April 2015 / 11.00 pagi / Bilik Kuala Lumpur, Aras 5 PWTC	Taklimat kepada penerbit oleh Pusat Penyerahan Terbitan Negara
3.	1 Mei 2015 / 11.00 pagi / Bilik Kuala Lumpur, Aras 5 PWTC	Promosi Produk PNM oleh Bahagian Sumber Elektronik
4.	2 Mei 2015 / 11.00 pagi / Bilik Kuala Lumpur, Aras 5 PWTC	Sesi Bercerita oleh Bahagian Pinjaman

Gerakan Membaca

Secara keseluruhannya pada tahun 2015, pengunjung ke Pavilion PNM pada kali ini adalah memberangsangkan. Ini adalah disebabkan tarikan yang dibuat oleh PNM sendiri dalam mengadakan aktiviti-aktiviti yang popular serta bermanfaat di kalangan pengunjung. Diharap pada masa-masa akan datang PNM akan terus relevan dalam arus perkembangan maklumat.

Sesi taklimat produk PNM National Geographic oleh En Mohd Redzuan bin Ramli



Datuk Hassan Malek Menteri KPDKK merasmikan PBAKL 2015 bersama barisan pengangur serta VIP jemputan dari Arab Saudi



Pengunjung terutama kanak-kanak tidak melepas peluang bertanyakan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM



Antara tetamu yang hadir semasa aktiviti Bilik Kuala Lumpur di dalam slot Bicara Buku Kegemaran Saya bersama penulis novel Siti Rosmizah



Gerakan Membaca

Oleh: Hashimah Mohd Yusoff



JOM BACA SELAMA 10 MINIT

Sempena Hari Buku dan Hakcipta Sedunia yang disambut pada 23 April 2015, Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan program Jom Baca Selama 10 Minit yang bertujuan untuk menggalakkan masyarakat membaca tanpa mengira tempat dan masa.

Program ini diadakan serentak di seluruh Malaysia merupakan satu simbolik untuk menyemai minat membaca di kalangan masyarakat. Menurut Ketua Pengarah PNM, Puan Hajah Nafisah binti Ahmad, "simbolik kepada sambutan program bacaan selama 10 minit ini bertujuan untuk menyampaikan saranan bahawa setiap daripada kita perlu meluangkan masa untuk menimba ilmu pengetahuan menerusi aktiviti membaca sebagai amalan harian. PNM sebagai peneraju kepada program galakan membaca peringkat kebangsaan akan terus memainkan peranan sehingga masyarakat dapat menjadikan membaca sebagai satu amalan yang berterusan."

Dalam pada itu, tambah beliau, "PNM ketika ini mempunyai lebih 4.4 juta bahan bacaan fizikal pelbagai genre dan bentuk untuk digunakan oleh seluruh masyarakat. Kemudahan meminjam sebanyak enam (6) buah buku untuk tempoh empat (4) minggu seharusnya mampu memberikan akses yang cukup kepada masyarakat."

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Ab. Ghaffar A. Thambi.



YBhg. Tan Sri Muhammad Ali Hashim Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia dalam slot bicara Buku Kegemaran Saya bersama pengacara TV Al-Hijrah En. Amin Idris



Program Jom Baca selama 10 minit yang dihadiri oleh para jemputan dan pelajar sekolah



Persembahan *Choral Speaking* oleh pelajar-pelajar SK Convent Nanas



YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, Datuk Ab. Ghaffar A. Thambi menyampaikan ucapan perasmian Jom Baca Selama 10 Minit



Oleh: Faizatul Hanim Mahmood

U-Pustaka

Hari Bertemu Pelanggan Perpustakaan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan

Bertempat di Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK), Perpustakaan KPK dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia telah mengadakan hari bertemu pelanggan berkesempatan pada 28 Januari 2015 lalu.

Antara aktiviti yang diadakan adalah pengenalan kepada portal Sumber Elektronik PNM, peminjaman, pemulangan dan renew tukar pembaharuan, pendaftaran keahlian perpustakaan, serta pelbagai lagi aktiviti-aktiviti menarik yang diadakan.

U-Pustaka juga tidak ketinggalan untuk mempromosi dan membawa perkhidmatan tersebut lebih rapat kepada masyarakat. Sehingga Mac 2015, u-Pustaka telah mempunyai seramai 342,961 ahli berdaftar.



Kakitangan PNM memberi penerangan kepada ahli baru U-pustaka

Baca World 2015 : Pameran Kandungan Digital Pertama Malaysia



30 JAN - 1 FEB 2015 • HALL 4, KLCC CONVENTION CENTRE

Visit <http://www.bacaworld.com.my/> for more information.

Come and visit us @ PNM's booth:

- a) PNM membership registration b) u-Pustaka c) PNM Digital & PNM Digital Repository
- Come and register as a member ;
- Online book reservation & borrowing;
- Get free access to PNM's online databases, e-resources & digital content.

Kuala Lumpur – Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) dengan sokongan daripada pelbagai pihak termasuk Majlis Buku Kebangsaan telah memperkenalkan BACA World 2015.

BACA World adalah sebuah pameran kandungan digital pertama kalinya diadakan di Malaysia adalah pemangkin kepada kemajuan teknologi digital untuk berkongsi kandungan dengan mengembangkan potensi komunikasi berdigital. BACA World membawakan kemajuan terkini dalam dunia digital yang mendorong kita ke era baru pengetahuan, komunikasi dan kemudahan digital. BACA World adalah wadah konsep, wadah inovasi dan wadah kemajuan digital yang, tanpa mengira umur. BACA World adalah hidangan yang tiada batasan genre yang disajikan sebagai paparan untuk penyuburan kandungan muzik, pendidikan, permainan, media, buku, majalah juga industri telekomunikasi.

Dengan itu, u-Pustaka adalah salah satu pemangkin untuk memungkinkan kandungan digital dapat dicapai dan dikongsi tanpa batasan untuk setiap

orang pengguna. U-pustaka tidak ketinggalan menghidangkan generasi kini dengan kandungan digital yang dapat diakses sepanjang hayat tanpa sempadan masa dan tempat sebagai satu transformasi gaya hidup dalam dunia pembelajaran. Bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre, BACA World 2015 secara rasminya telah dilancarkan pada 30 Januari 2015 lalu.



YBhg. Tan Sri Dato' Seri Abd Ghafar Mahmud sedang mendaftar sebagai ahli u-Pustaka

U-Pustaka

Oleh: Faizatul Hanim Mahmood



U-PUSTAKA KINI MELALUI TELEFON PINTAR!

Terkini, u-Pustaka sedia berkhidmat untuk anda menerusi aplikasi mudah alih untuk memberi anda cara mudah menggunakan perkhidmatan u-pustaka melalui telefon pintar dan peranti pintar. Pengguna telefon Android, iOS dan Blackberry boleh memuat turun aplikasi 'My u-Pustaka' secara percuma melalui Google Play, iTunes dan Amazon.com.

Kelebihan My u-Pustaka:


- Cari buku-buku dari lapan buah perpustakaan Konsortium u-Pustaka.
- Pinjam buku dan ia akan dihantar ke pintu rumah menerusi khidmat PosLaju.
- Peta dan alamat untuk lapan perpustakaan konsortium.
- Perkhidmatan dalam dwi-bahasa (Bahasa Melayu/Inggeris).
- Perkhidmatan pertanyaan soalan terus kepada Pustakawan.

ACCESS 4 ALL

APLIKASI MUDAH ALIH U-PUSTAKA



PAKATAN STRATEGIK PINTAR U-PUSTAKA




7 KOMPONEN YANG MEMBENTUK MODEL U-PUSTAKA



MENDAFTAR SEBAGAI AHLI U-PUSTAKA



TONGGAK PENGETAHUAN UNTUK MASYARAKAT BERASASKAN PENGETAHUAN



AKSES KE AKUAN PERIBADI MELALUI APLIKASI MUDAH ALIH U-PUSTAKA




ACCESS 4 ALL "MEWUJUDKAN MASYARAKAT MALAYSIA BERBUDAYA MEMBACA DAN BERILMU MENJELANG 2020"

PERKHIDMATAN SUMBER ELEKTRONIK PNM (PNM DIGITAL)

- | | | |
|----------------------|--------------------------------|------------------------|
| • E-BUKU – 7,821,568 | • E-SURAT KHABAR – 3,000 | • E-JURNAL – 717,712 |
| • E-MAJALAH – 1,361 | • BERITA & LAPORAN – 5,753,091 | • BUKU AUDIO – 124,580 |

Status Keahlian Portal PNM Digital



INOVASI U-PUSTAKA



*Statistik yang pada tahun 2015 adalah dari tempoh Jan – April 2015



کرنیول سمارق جاوي@قولي في. دي 2015

فڈ 25 - 24 فیبرواری 2015. ڤرفوستاکاءن نگارا مليسیا دڻن اوسمیا سمیکنیک ڤورت دیکسن (Port Dickson) نکری سمبیلن تله معنجرکن کرنیول سمارق جاوي@قولي في. دي 2015 برتمٺت ددیوان واوسن ڤولیتیکنیک ڤورت دیکسن نکری سمبیلن کرنیول سلاما دوا هاري این تله دراسمیکن اولیه یغبرههاکیا میجر کانن حاج. محمد خاریر بن محمد إبراهيم.; د. ن. س، ڦغاره ڤولیتیکنیک ڤورت دیکسن کرنیول این دانجورکن باکی مناریق مینت گولوغن مودا کڦد بودایا ڦنولیسن جاوي سوقای ای تیدق هیلچ درڦد ڦرهاتین گینراسی واي (y) این.

کرنیول جاوي این مروفاکن ڦروگرم یع جولوغ کالیث داداکن ڊفریغکت ڤولیتیکنیک ملیبتكن ڦارا ڦلاجر دان کاکیتاڻن ڤولیتیکنیک. ڦلباكای اکتیفيٽي جاوي دتمفیلکن دالم بنتوق ڦرتندیغٽن، ڦنولیسن، دیمونستراسي، بیعکیل، ڦامیرن، گرای جوالن دان چابوتن هدیه ڦغونجوٽ برتواه.

سیمبولیک کڦد ڦروگرم این سیسي "ماری ممباج برسام" دالم ټولیسن جاوي سلاما 3 مینیت تله داداکن برتوچوان ممبغکیتکن ڦراسائئن چینتاکن ټولیسن جاوي دالم کالغن ڦلاجر دڻن هارڻن بودایا ڦنولیسن جاوي این تروس سوبور دجيوا مریک. سیسي این تله دسرتاءٽی اولیه 350 اورڻ حاضرین تردیری درڦد ڦارا ڦلاجر، کاکیتاڻن دان جمقوتن.



ڦراسمین کرنیول سمارق جاوي@قولي في. دي 2015



بیعکیل کلینیک جاوي

کرنیول این دایسی دغۇن ۋەرەنديغان سىنى خط بىرتوچوان مەچۇڭكىل باكت ۋەنولىسىن خط دالىم كالىغۇن ۋارا ۋلاجىر. ۋەرەنديغان ساھىبىا جاوي، ۋانسىس جاوي دان چارى كات جاوي ۋولا داداكن بىرتوچوان مەعوجى ۋەعواسائۇ دان كىماھىرىن تولىسىن جاوي ۋارا ۋەرسىتا. سلائىن ايت، ۋارا ۋلاجىر دېيمىبىيغۇ مەعنائىي تىكىنىك اساس ۋەنولىسىن جاوي يېتىشىت دالىم بىيغىكىل كلينىك جاوي دباوه بىيغىقىن ۋاکىر جاوي درېد دىوام بەهاس دان ۋەستاك. ۋامىرىن مانوسكريف ملايو ۋولا مەمقامىرىكىن مانوسكريف تاج السلاطين، خلق السماوات والارض، ادب راج ۲، حكاية هۇغ تواد دان ۋەلباكاي لائى. مەرىاھىكىن كرنىول تورۇت داداكن دېمونسٹراتسى دان جوالن حاصلىل كرياتيف خط، دېمونسٹراتسى ۋەنمۇلەرارەن باهن ۋەرفەستاكائەن دان كىراي جوالن.

کرنىول سمارق جاوي @ۋولي ۋەرەنديغان سىمبۇتن يېت امىت بائىق درېد ۋارا ۋلاجىر دان كاكىتاغۇن، سر اماي 1121 اورۇغ حاضىر كفروڭرم اين. كرنىول اين مروۋاكان ساتو ۋەندىدەن يېت بائىق كىندى ۋارا ۋلاجىر كائەرە مېپمارقىكىن بودايا تولىسىن جاوي سباڭكاي چارا ھيدوۋ دالىم كالىغۇن ورگ كەمقوس.



ۋەرەنديغان ساھىبىا جاوي



ۋەرەنديغان ۋانسىس جاوي



جوالن حاصلىل كرياتيف خط

Galeri

Sekilas Pandang



Galeri

Pameran Persaraan Perkhidmatan



da Transformasi atan Awam

Galeri



Galeri

PNM Sana Sini

- ◆ Pameran Nilai-Nilai Murni sempena LIMA 2015, Langkawi, Kedah
- ◆ Pameran Sukan Air sempena Pesta Air Labuan, WP Labuan
- ◆ Pameran Animasi dan My Milky Way di SMK Seri Aman, Johor
- ◆ Karnival Nilai-Nilai Murni & Semarak Warisan di Kuala Linggi, Melaka
- ◆ Karnival Sedekad PIBG SK Putrajaya Presint 9 (2)
- ◆ Karnival Pelancongan Belia 2015 Putrajaya





PASCA Banjir





Oleh : Salwana Fadzil

Lawatan Pasca Banjir PNM Ke Perpustakaan Desa Di Kelantan, Pahang dan Perak



Pada 18 Disember 2014 sehingga 23 Januari 2015, fenomena banjir besar ini telah melibatkan 15 buah Perpustakaan Desa (PD) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di enam (6) buah negeri iaitu:

Bil.	Negeri	Jumlah PD Yang Terlibat
i.	Perak	1
ii.	Pahang	5
iii.	Negeri Sembilan	1
iv.	Kelantan	4
v.	Terengganu	3
vi.	Sabah	1
		Jumlah Keseluruhan
		15

Sebanyak 13 buah PD telah mengalami kerosakan bangunan dan aset seperti perabot, koleksi buku dan peralatan-peralatan ICT. Manakala, 1 PD di Negeri Sembilan dan 1 PD di Sabah mengalami kerosakan kecil kerana petugas telah mengambil langkah berjaga-jaga.

Pada 14–18 Januari 2014, Ketua Pengarah bersama-sama sukarelawan Perpustakaan Negara Malaysia telah membuat lawatan Pasca Banjir PNM



Berita

ke Kelantan dan Pahang. Sebanyak 6 buah PD PNM telah dilawat iaitu:

- (i.) PD Kg. Kemubu, Kuala Krai, Kelantan
- (ii.) PD Kg. Manek Urai, Kuala Krai
- (iii.) PD Bunut Susu, Pasir Mas
- (iv.) PD Taman Sri Remah, Tanah Merah
- (v.) PD Kg. Kuala Mai, Temerloh
- (vi.) PD Kg. Teluk Sentang, Temerloh

Sepanjang lawatan, semua sukarelawan PNM telah bersama-sama bergotong-royong membersihkan PD dan sekitarnya. Di samping itu, hasil kutipan sumbangan dari warga PNM turut disampaikan oleh YBrs. Ketua Pengarah PNM kepada petugas PD PNM yang terlibat dalam banjir tersebut. Misi ini turut disertai Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan, Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang dan Kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Perlis.

Pada 24 Januari 2014, Pasca Banjir PNM telah meneruskan misi ke sebuah PD di Perak yang turut terjejas dengan banjir iaitu PD Kg. Tersusun Teluk Memali, Kg. Gajah, Perak. Sukarelawan Pasca Banjir PNM bersama-sama dengan sukarelawan Pasca



Banjir Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak bergotong-royong membersihkan PD dan sekitarnya. Malahan kakitangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan pelajarnya juga telah turut serta dalam gotong-royong tersebut. YBrs. Ketua Pengarah turut memberikan sumbangan kepada dua orang petugas PD PNM yang terjejas akibat banjir hasil daripada kutipan kakitangan PNM.

Sukarelawan Dari PNM Perlis

Pada 16 sehingga 19 Januari 2015 yang lalu, pasukan sukarelawan dari PNM Negeri Perlis telah bersama-sama menyertai Perpustakaan Negara Malaysia bagi misi bantuan pasca banjir. Misi terdiri daripada sukarelawan Perpustakaan Awam Negeri Perlis seramai 13 orang. Tujuan utama adalah untuk membersihkan Perpustakaan Desa Kemubu, Kelantan dan menyampaikan sumbangan hasil kutipan derma daripada kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Perlis kepada mangsa banjir di sekitar Kemubu, Dabong, Kg. Karangan, Paloh, Kuala Krai, Manik Urai dan Gua Musang.

Oleh: Haizatul Afni Bakhtiar





Oleh: Katrun Nada Hashim

Berita

PNM JUARA KEJOHANAN SUKAN LIMA PENJURU 2015

Sekalung tahniah diucapkan kepada PNM kerana berjaya menjadi juara Kejohanan Sukan Lima Penjuru 2015. Kejohanan sukan ini telah dirasmikan oleh YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Thambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) pada 4 April 2015 bertempat di Dewan Seri Mutiara Muzium Diraja.

Agensi yang menyertai kejohanan ini ialah Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Jabatan Perpustakaan Negara, Jabatan Warisan Negara dan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Sebanyak 7 acara sukan dipertandingkan iaitu Badminton, Bolasepak, Bolatampar, Bowling, Dart, Karom dan Ping Pong. Lima lokasi sukan digunakan iaitu:

Acara	Tempat / Lokasi
Badminton	Dewan Seri Mutiara, Muzium Diraja
Bolasepak	Padang Bola Arkib Negara
Bolatampar	Taman Tasik Titiwangsa
Bowling	The Ballroom Bowling Nu Sentral
Dart	Gelanggang Sukan PNM
Karom	Gelanggang Sukan PNM
Ping Pong	Gelanggang Sukan PNM

Majlis Penutup Kejohanan Sukan Lima Penjuru 2015 melabuhkan tirai pada 12 Jun 2015 secara rasminya oleh YBhg Datuk Hj. Ab. Ghaffar A. Thambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan), KPK bertempat di Dataran Muzium Negara. PNM dinobatkan sebagai juara keseluruhan setelah berjaya menjadi johan sukan badminton, bolatampar, dart dan ping pong. Tahniah kepada semua pemain yang terlibat.





MAKMAL PEMURNIAN PELAN TRANSFORMASI PNM

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merupakan satu-satunya Jabatan kerajaan yang terlibat dalam melaksanakan agenda penting Transformasi Perkhidmatan awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Keterlibatan PNM adalah atas dasar pemegang taruh yang penting dalam penyampaian perkhidmatan perpustakaan di Malaysia seiring dengan demografi pelanggan yang telah berubah dari masa ke semasa. Pelan transformasi ini juga merupakan platform untuk memperbaiki mutu perkhidmatan dan memenuhi kehendak rakyat serta bagi memastikan PNM adalah sentiasa kekal relevan.

Justeru, bagi merealisasikan hasrat murni ini satu inisiatif Makmal Pemurnian Pelan Transformasi PNM pada 14 hingga 16 Disember 2014 di Janda Baik, Pahang telah diadakan. Makmal ini dikendalikan oleh pegawai dari Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA), Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Cik Ku Mahrum, Perunding Kanan; Puan Ainah Mohd Soon, Timbalan Pengarah; dan Encik Booi Chong Leng, Ketua Penolong Pengarah. Selain itu, makmal ini turut dihadiri oleh YBrs. Ketua Pengarah PNM dan semua Pengurusan PNM serta pegawai yang terlibat bagi 5 kumpulan Teras. 5 Teras Strategik adalah terdiri daripada Mendaftar Upaya Bakat, Merekayasa Organisasi, Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan, Merangkum dan Sepunya, dan Membudaya Nilai. Tujuan utama makmal ini diadakan adalah untuk melihat kembali Langkah Strategik dan Inisiatif Strategik yang telah dirangka supaya ianya adalah tepat serta untuk



mengenalpasti inisiatif strategik yang mempunyai impak tinggi dan 'quick win'.

Secara keseluruhannya, Pelan Transformasi PNM ini berjaya untuk memformulasikan sebanyak 7 Langkah Strategik (LS) dan 12 Inisiatif Strategik untuk dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun mulai tahun 2015.

Kejayaan program transformasi PNM ini adalah bergantung kepada komitmen dan penglibatan semua bahagian di PNM serta perhubungan dua hala yang berkesan. Tanpa komitmen yang jitu serta kepimpinan yang mempunyai hala tuju yang berfokus, program transformasi ini akan menemui kegagalan. Sesungguhnya Pelan Transformasi PNM ini telah menjadi pendorong kepada semua perpustakaan di mana ia menjadi platform kepada pertemuan minda seluruh warga perpustakaan tanpa mengenal batasan pangkat dan usia. Ia menjadi penyambung antara generasi dalam perkhidmatan perpustakaan yang sama-sama menyumbang ke arah kejayaan.

JAWATANKUASA PENDAFTARAN DAN AKREDITASI MESYUARAT MAJLIS KOMUNITI-SOSIO-BUDAYA ASEAN (ASCC) 2015

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (KPK) untuk mempengaruhi Jawatankuasa Pendaftaran dan Akreditasi ASCC sempena dengan Mesyuarat Majlis Komuniti-Sosio-Budaya ASEAN (ASCC). Tugas utama Jawatankuasa ini adalah membuat kerja-kerja pendaftaran bagi semua pegawai yang terlibat dalam mesyuarat tersebut termasuk semua Ahli Jawatankuasa yang bertugas. Selain itu juga, Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk mengambil kehadiran semua pegawai bagi ketiga-tiga mesyuarat dan menyediakan laporan kehadiran setiap hari untuk diserahkan kepada Urus Setia Induk ASCC. Bagi memudahkan urusan pendaftaran dan membuat cetakan terus kad, PNM telah menggunakan sistem pendaftaran khas yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat PNM.

Sistem ini telah berjaya melaksanakan urusan pendaftaran Mesyuarat Khas The 1st High Level Task Force (HLTF) For ASCC Working Group, 4th ASCC Working Group Meeting And Special Senior Officials Committee for ASCC (SOCA) Meeting pada 7 hingga 12 Februari 2015 di Pulau Pinang. Mesyuarat ASCC Kedua iaitu 2nd High-Level Task Force (HLTF-ASCC) Working Group Meeting, 18th Senior Officials Meeting for ASCC (SOCA) dan 13th ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Council yang melibatkan Menteri-Menteri ASEAN (Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam) diadakan pada 23 – 27 Mac 2015 di Holiday Inn Melaka. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh YABhg Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 23 Mac 2015.



LATIHAN RESOURCE DESCRIPTION AND ACCESS (RDA)

Seramai 12 orang pensyarah pengkatalogan Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengikuti latihan industri RDA bertempat di Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia pada 26 Januari 2015 hingga 27 Februari 2015. Lima (5) orang tenaga pengajar PNM dari Pusat Bibliografi Negara telah membimbing pensyarah tersebut untuk mempelajari dan memahami cara pendokumentasian bahan perpustakaan dengan menggunakan RDA. Tenaga pengajar tersebut ialah Puan Nor Hidayah Othman, Puan Nik Irfah Rumaizah Ibrahim, Puan Aidayasmalizay Ismail, Cik Anis Omar dan Puan Habirah Mohamad



PERKHIDMATAN KEPADA PENERBIT

Taklimat Panduan Permohonan ISBN dan ISSN

Pada 26 Mac 2015, Unit Perpustakaan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia, Putrajaya telah menganjurkan Taklimat Panduan Permohonan ISBN dan ISSN bertempat di Dewan Baiduri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Putrajaya. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Wan Nur Azma Wan Asik, dari Unit Perkhidmatan Kepada Penerbit, Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Taklimat ini diadakan bersempena dengan hari terbuka Perpustakaan JAS. Objektif taklimat ini diadakan ialah:

- Mendedahkan pengurusan/pegawai/penyelidik/penerbit berkenaan kepentingan mendapatkan nombor ISBN/ISSN;
- Mengetahui cara-cara mendapatkan pendaftaran ISBN/ISSN; dan
- Menggalakkan pegawai/penyelidik untuk mendapatkan pendaftaran ISBN/ISSN bagi setiap terbitan yang dilakukan.

Taklimat Perkhidmatan ISBN/ISSN dan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331)

Pada 23 April 2015, Pusat Sumber Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah menganjurkan Sesi Taklimat Perkhidmatan ISBN/ISSN dan Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331) bertempat di Dewan Nilam, MITI,

Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim, Kuala Lumpur.

Taklimat telah disampaikan oleh Puan Nor Hidayah Othman dari Unit Perkhidmatan Kepada Penerbit, Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Tujuan program ini diadakan adalah bersempena dengan Hari Bersama Pelanggan Pusat Sumber MITI.

Taklimat Akta 331, ISBN, ISSN dan CIP Sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2015

Pada 30 April 2015, Perpustakaan Negara Malaysia telah menganjurkan Taklimat Akta 331, ISBN, ISSN dan CIP bertempat di Bilik Kuala Lumpur, Aras 5 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Bagi sesi taklimat untuk ISBN, ISSN dan CIP, disampaikan oleh Puan Wan Nur Azma Wan Asik dari Unit Perkhidmatan Kepada Penerbit, Pusat Bibliografi Negara, Perpustakaan Negara Malaysia. Program ini diadakan adalah bersempena dengan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2015.

Objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan penerbit-penerbit buku di Malaysia tentang perkhidmatan kepada penerbit yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan juga tanggungjawab penerbit selepas menerbitkan bahan terbitan dengan menyerahkan bahan terbitan mereka ke Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM

Tips

Oleh: Mohd Redzuan Ramli



Pangkalan Data PNMDIGITAL

PNMDIGITAL???

Pelbagai pangkalan data elektronik, e-buku, terbitan dalam talian dan banyak lagi sumber elektronik disediakan khusus untuk anda.


(a) Masuk melalui laman web PNM:

Langkah 1 - Taip: <http://www.pnm.gov.my>



(b) Masuk melalui portal sumber elektronik (pnmdigital) secara terus:

Langkah 1 – Taip : <http://www.pnmdigital.gov.my>



Untuk ahli berdaftar : Masukkan login ID (ialah nombor IC ahli) dan kata luaran (seperti yang dianjurkan oleh sistem ke emel pemohon).

Ahli belum mendaftar : Klik sini untuk mendaftar.

1. Akses kepada portal sumber elektronik PNM atau dikenali sebagai PNMDigital boleh dilakukan dengan 2 cara berikut:

2. Cara untuk mendaftar sebagai ahli :

Langkah 1 - Lengkapkan butiran yang dikehendaki

The screenshot shows the 'SUMBER ELEKTRONIK PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA' website. The registration form is highlighted with a red border. The 'Register' section contains fields for Name, Email, and Phone Number, each with a required field indicator (*). Below these fields is a grid of checkboxes for selecting interests, with several categories checked. At the bottom right of the form is a 'SUBMIT' button.

Langkah 1 - Lengkapkan butiran yang dikehendaki

Register

Selamat Datang ke Portal Sumber Digital Perpustakaan Negara Malaysia.

New Registration

Enter your MyKad/MyKad/Kad Tentera*	AIMAN BIN ARIF
Name as MyKad/MyKad/Kad Tentera*	99041001XXXX
Email*	aiman_arif@yahoo.com
Phone Number*	0194851427
<input type="checkbox"/> Art & Photography <input type="checkbox"/> Audio Books <input type="checkbox"/> Biography <input checked="" type="checkbox"/> Business, Finance & Law <input type="checkbox"/> Children's Books <input type="checkbox"/> Computing <input type="checkbox"/> Crafts & Hobbies <input type="checkbox"/> Crime & Thriller <input type="checkbox"/> Dictionaries & Languages <input checked="" type="checkbox"/> eBooks <input checked="" type="checkbox"/> Entertainment <input type="checkbox"/> Fiction <input type="checkbox"/> Food & Drink <input type="checkbox"/> Graphic Novels, Anime & Manga <input type="checkbox"/> Health <input type="checkbox"/> History & Archaeology <input type="checkbox"/> Home & Garden <input type="checkbox"/> Humor <input type="checkbox"/> Medical <input type="checkbox"/> Mind, Body & Spirit <input type="checkbox"/> Natural History <input type="checkbox"/> Personal Development <input type="checkbox"/> Poetry & Drama <input type="checkbox"/> Reference <input type="checkbox"/> Religion <input type="checkbox"/> Romance <input type="checkbox"/> Science & Geography <input type="checkbox"/> Science Fiction, Fantasy & Horror <input checked="" type="checkbox"/> Society & Social Sciences <input checked="" type="checkbox"/> Sport <input type="checkbox"/> Teaching Resources & Education <input type="checkbox"/> Technology & Engineering <input type="checkbox"/> Textbooks <input type="checkbox"/> Transport <input type="checkbox"/> Travel & Holiday Guides	


*Required field

CLEAR FORM **SUBMIT**

Langkah 2 - Tekan Butang "SUBMIT" untuk hantar

Login: nombor IC ahli; **Password:** Kata laluan sementara akan dihantar menerusi e-mel anda

Langkah 3 – Masukkan nombor IC dan kata laluan sementara anda



TAHNIAH – Sebagai ahli berdaftar, anda boleh mengakses kepada perkhidmatan pangkalan data dan kandungan digital yang disediakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia



Perkhidmatan pangkalan data yang disediakan (Baca penerangan yang disediakan dan klik imej/pautan untuk memulakan akses.)



Oleh : Nor Shamsinar Baharom

Literasi Maklumat & Media

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT & MEDIA 2015

Dalam perkembangan maklumat yang semakin pesat, persekitaran maklumat juga berubah dengan cepat dari bercetak ke digital, setempat ke antarabangsa dan dari kurang maklumat kepada limpahan maklumat (*information explosion*). Menyedari hakikat ini, PNM membangunkan modul literasi maklumat dan media (LMM).

LMM merupakan suatu kemahiran yang digunakan untuk mencari maklumat tertentu yang diperlukan dan merangkumi kebolehan mencari dan memperolehi maklumat dalam apa jua format serta menggunakan maklumat menyokong pembelajaran sepanjang hayat yang sentiasa ditekankan oleh kerajaan dalam usaha untuk mencapai status negara maju dan masyarakat berilmu. Sepanjang Jan - Jun 2015 sebanyak 20 program LMM telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tenaga pengajar LMM adalah Encik Mohd Sharizal bin Omar, Encik Yazid bin Ibrahim, Cik Noorzaimah bt. Razali, Puan Noor Shamsinar bt.




Baharom, Encik Mohd Izani Che Jaafar, Encik Abdul Jalil Awang, Puan Zuliana Ab. Rashid, Encik Wan Mohd Saiful Wan Ghazali, Puan Sofia Osman, Puan Nur Aishah Che Raimi, Puan Chuhana @ Suhana bt. Ahmad, Cik Zaiton bt. Hassan, Encik Mohamad Redzuan Ramli, Cik Cik Zalina Abdul Rahim, En. Mohd Ikhmil Firdausz bin Mohd Hanif, Puan Junaidah Rosliy, Cik Hasnan Mamat dan Puan Norhasliza bt. Mohd Razali.

Definisi Literasi Maklumat Dan Media (LMM)

UNESCO (2004), "information is needed, locate and select critically the information, use ethically and communicate it effectively".

KUMPULAN SASAR PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DAN MEDIA 2015



Aktiviti Kanak-Kanak

Oleh: Nur Fatiha Al Zahra



RIANG RIA MEMBACA: SAYANGI HUTAN SIRI 2

Sayangi Hutan Siri 2 telah diadakan pada 19 Mac 2015 di Teater Kanak-kanak PNM bermula dari jam 10.00 pagi sehingga 12.30 tengah hari. Aktiviti ini merupakan program kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sempena sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat PNM 2015. Sambutan bertemakan 'Sayangi Hutan' bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu-isu berkaitan dengan pemeliharaan hutan dan mempromosikan bahan-bahan bacaan berkaitan dengan perhutanan dan pemeliharaan hutan. Program ini telah diisi dengan beberapa aktiviti seperti sesi mewarna, melukis dan kolaj alam sekitar. Sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Encik Abdul Rahman Bin Sudin (Pengarah Perpustakaan Cawangan dan Komuniti, PNM) dan Puan Norhayati Nordin (Ketua Unit Komunikasi Korporat, FRIM).



PERMAINAN PNM i-PLAY

Pada 24 Januari 2015, Perpustakaan Komuniti AEON AU2 Keramat telah mengadakan aktiviti permainan PNM i- Play bersama pengunjung kanak-kanak di perpustakaan tersebut. Aktiviti berlangsung selama satu jam iaitu dari jam 11.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Aktiviti dimulakan dengan sesi pengenalan kepada perkhidmatan yang disediakan di Perpustakaan Komuniti AEON AU2 dan pengenalan kepada permainan i- Play. Kanak-kanak diberi kebebasan mereka cipta apa sahaja bentuk menggunakan bongkah set permainan i-Play. Antaranya ialah menyambung seberapa panjang yang boleh dalam tempoh masa yang ditetapkan, mereka cipta bangunan tertinggi dan mereka cipta mahkota dari set permainan tersebut. Permainan ini dapat membantu kanak-kanak mengenali warna, bentuk, membina imaginasi dan kreativiti serta membantu meningkatkan daya kemahiran menyelesaikan masalah.



Aktiviti Kanak-Kanak

PERPUSTAKAAN KOMUNITI PNM DI MINI UTC, KERAMAT MALL



Perpustakaan Komuniti di Mini UTC Keramat Mall telah mula beroperasi pada 1 Disember 2014. Lokasinya adalah strategik kerana berhampiran dengan stesen transit aliran ringan (LRT). Pelbagai koleksi bahan bacaan dari peringkat umur kanak-kanak sehingga dewasa terdapat di sini. Waktu perkhidmatan adalah seperti berikut:

HARI	WAKTU PERKHIDMATAN
ISNIN	2.00 PETANG- 7.00 PETANG
SELASA- JUMAAT	8.30 PAGI- 7.00 PETANG
SABTU	10.00 PAGI- 7.00 PETANG
AHAD	10.00 PAGI- 6.00 PETANG
TUTUP	JUMAAT: 12.15 PETANG- 2.45 PETANG DAN HARI CUTI UMUM



Selain itu, perpustakaan ini juga berdekatan dengan pelbagai agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Klinik 1Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan Kedai Rakyat 1Malaysia.

"Pada 6 Jun 2015, UTC Keramat Mall telah menerima kunjungan hormat dari Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Ahmad Maslan bersama-sama Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam rangka kerja lawatan beliau. Lebih manis Dato' Ahmad Maslan turut bersama-sama mengunjungi Perpustakaan komuniti UTC Keramat Mall."



SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014



MUHAMMAD SAFIAN BIN SHARIFUDDIN
Pegawai Teknologi Maklumat (F44)

Bahagian Teknologi Maklumat

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun



MOHD AZMI BIN AZIZ
Pustakawan (S44)

Bahagian Rangkaian Perpustakaan

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun



SUHAILA BINTI ABD RAHMAN
Pustakawan (S44)

Bahagian Khidmat Teknik

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun



ANIS BINTI MAT SAAD
Pustakawan (S41)

Bahagian Pinjaman

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 9 Tahun
Jabatan: 7 Tahun



MASTURA BINTI HUSSIN
Pustakawan (S41)

Pusat Manuskrip Melayu

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 9 Tahun
Jabatan: 7 Tahun



MOHD ZAKI BIN YUSOF
Pustakawan (S41)

Bahagian Penyelidikan Perpustakaan

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 9 Tahun



HABIRAH BINTI MOHAMAD
Pustakawan (S41)

Pusat Bibliografi Negara

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 5 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



SURIYAWANI BINTI SULAIMAN
Pustakawan (S41)

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun



KAMARUZZAMAN BIN SOAID
Pustakawan (S41)

Bahagian Rangkaian Perpustakaan

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 9 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



MOHD SHARIZAL BIN OMAR
Pustakawan (S41)

Bahagian Maklumat Umum

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014



NOOR AZNAH BINTI ZAKARIA
Penolong Pustakawan (S38)
Bahagian Khidmat Nasihat Dan Perundingan
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 37 Tahun
Jabatan: 18 Tahun



ROSMINI BINTI ISMAIL
Penolong Pustakawan (S32)
Bahagian Gerakan Literasi Maklumat
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 21 Tahun
Jabatan: 15 Tahun



SUHARTI BINTI YUSOF @ SURADI
Penolong Pustakawan (S32)
Bahagian Penyelidikan Perpustakaan
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 22 Tahun
Jabatan: 22 Tahun



MOHD FAIZUL BIN SUKERI
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)
Bahagian Teknologi Maklumat
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 5 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



WAN MOHD SAIFUL BIN MOHD GHAZALI
Penolong Pustakawan (S27)
Bahagian Pembangunan Kandungan
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 7 Tahun
Jabatan: 3 Tahun



ZAIRINA BINTI HASHIM
Penolong Pustakawan (S27)
Perpustakaan Negara Negeri Perlis
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 5 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



AZRIHAN BINTI AHMAD
Setiausaha Pejabat (S27)
Pejabat Pengarah Pembinaan Koleksi Negara dan Pendokumentasian
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 7 Tahun
Jabatan: 4 Tahun



MOHD SADRI BIN MD SAAT
Pembantu Perpustakaan (S22)
Bahagian Perkhidmatan Digital
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 18 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



NOR LIZA BINTI OTHMAN
Pembantu Tadbir (P/O) (N22 – KUP)
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 25 Tahun
Jabatan: 25 Tahun



FARIDAH BINTI MOHD SALLEH
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 7 Tahun
Jabatan: 7 Tahun

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014



NORLAILA BINTI MAN
Pembantu Akauntan (W17)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 14 Tahun
Jabatan: 7 Tahun



NORAINI BINTI KASSIM
Pembantu Tadbir (Kew) (W17)

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 10 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



SITI MARIANI BINTI HASSAN
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Pakar Maklumat

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 5 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



MARNI YATI BINTI MOHAMED
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Khidmat Pelanggan

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun



MOHD HAFIZ BIN MOHAMED SHARIFF
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Perancangan dan Dasar Korporat

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 7 Tahun
Jabatan: 7 Tahun



ROKIAH BINTI MOHD KASIM
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Rangkaian Perpustakaan

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 12 Tahun
Jabatan: 12 Tahun



NORAZAH BINTI MOHD ROOM
Pembantu Perpustakaan (S17)

Pusat Penyerahan Terbitan Negara

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 11 Tahun
Jabatan: 11 Tahun



AZRIL HISHAM BIN ABU BAKAR
Pembantu Perpustakaan (S17)

Pusat Bibliografi Negara

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 12 Tahun
Jabatan: 12 Tahun



NITHYA A/P MAHAN
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Khidmat Teknik

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 7 Tahun
Jabatan: 7 Tahun



MOHD RAIMI BIN MOHD YUSOP
Pembantu Perpustakaan (S17)

Bahagian Pengurusan Perkhidmatan PERDANA

Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 4 Tahun
Jabatan: 3 Tahun

SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2014



NORSUZIYANA BINTI MAT NASIB
Pembantu Pemuliharaan (S17)
Bahagian Pemuliharaan
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 14 Tahun
Jabatan: 14 Tahun



SOFIAH BINTI IBRAHIM
Pembantu Pemuliharaan (S17)
Bahagian Pemuliharaan
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan : 34 Tahun
Jabatan: 34 Tahun



ROHISHAM BIN MANSOR
Pembantu Operasi (N11)
Pusat Penyerahan Terbitan Negara
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 19 Tahun
Jabatan: 19 Tahun



MOHD FAIRUZ BIN ZAKARIA
Pembantu Operasi (N11)
Bahagian Khidmat Teknik
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 6 Tahun
Jabatan: 6 Tahun



RAMANA DEVI A/P RAJAGOPAL
Pembantu Operasi (N11)
Pusat Maklumat Malaysiana
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 21 Tahun
Jabatan: 21 Tahun



ZAINUDIN BIN AHMAD
Pembantu Operasi (N11)
Bahagian Pinjaman
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 34 Tahun
Jabatan: 34 Tahun



RAMON BIN BAHARUM
Pembantu Operasi (N11)
Perpustakaan Negara Negeri Perlis
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 33 Tahun
Jabatan: 5 Tahun



SITI ROHANI BINTI RAHMAT
Pembantu Am Pejabat (N1)
Bahagian Pembangunan Sumber Manusia
Tempoh Perkhidmatan
Kerajaan: 13 Tahun
Jabatan: 13 Tahun

Mutiara kata

- ◊ Kewajipan merupakan satu kuasa yang bangun bersama kita disebelah pagi dan berehat bersama-sama kita di sebelah malam. Ia ibarat bayang-bayang yang mengikut ke mana sahaja kita pergi
- ◊ Sekeras-keras batu dapat dihancurkan oleh titis air yang lembut. Begitu juga sekeras-keras hati dapat ditundukkan oleh jirusan kata-kata lembut
- ◊ Seandainya hidup ini punca perpisahan... biarlah kematian menyambungnya semula, tapi seandainya kematian punca perpisahan... biarlah hidup memberi erti yang nyata

Berita Pertukaran / Kenaikan Pangkat

SENARAI PENEMPATAN DAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI DAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA [April-Jun 2015]

NO	NAMA				
1	Hj. Rosham bin Hj. Abdul Shukor	Pustakawan S52	TPK Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa	Memangku – Pustakawan S54 Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat, PNM	01.06.2015
2	Anisah binti Yusof	Pustakawan S52	Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kuala Lumpur	Memangku – Pustakawan S54 Kementerian Kesihatan Malaysia	01.06.2015
3	Salasiah binti Hj. Abdul Wahab	Pustakawan S48	Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Selangor	Memangku – Pustakawan S52 Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kuala Lumpur	16.06.2015
4	Nor O'baidah binti Abidin	Pustakawan S48	TP Bahagian Pengurusan Projek Digital, PNM	Memangku – Pustakawan S52 TPK Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan, PNM	16.06.2015
5	Mohd Azmi bin Aziz	Pustakawan Gred S44	Peg. Khas KP	Memangku – Pustakawan S48 TP Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, PNM	16.06.2015
6	Ruzilah binti Ehsan	Pustakawan Gred S44	Agensi Nuklear Malaysia, Selangor	Memangku – Pustakawan S48 Jabatan Peguam Negara, W.P. Putrajaya	16.06.2015
7	Fathrulrizam bin Said	Pustakawan Gred S44	Jabatan Perdana Menteri, W.P. Putrajaya	Memangku – Pustakawan S48 Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Selangor	16.06.2015
8	Razman bin Abd Rani	Pustakawan Gred S44	Politeknik Merlimau, Melaka	Memangku – Pustakawan S48 TP Bahagian Pengurusan Projek Digital, PNM	16.06.2015
9	Subramaniam a/l Kuppusamy	Penolong Pustakawan S32	Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM	Memangku – Penolong Pustakawan S38 Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, PNM	20.05.2015
10	Toon Hoon Chin	Penolong Pustakawan S32	Pusat Bibliografi Negara, PNM	Memangku – Penolong Pustakawan S38 Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, PNM	20.05.2015
11	Sharifah Fatimah binti Syed Nasir	Penolong Pustakawan S32	Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur	Memangku – Penolong Pustakawan S38 Bahagian Penyelidikan, PNM	20.05.2015
12	Sum Thing	Penolong Pustakawan S27	Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM Kementerian Dalam Negeri, W.P. Putrajaya	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Kementerian Dalam Negeri, W.P. Putrajaya Bertukar – Bahagian Pembinaan Koleksi, PNM	20.05.2015
13	Ishak bin Awang	Penolong Pustakawan S27	Unit Integriti, PNM Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM Bertukar – Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, PNM	20.05.2015 16.06.2015
14	Mohd Tarmizi bin Wahab	Penolong Pustakawan S27	Kolej Matrikulasi Perlis	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Perpustakaan Negara Negeri Perlis	20.05.2015

Oleh: Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia

15	Siti Shafarah binti Shamsudin	Penolong Pustakawan S27	Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, PNM	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Bahagian Sumber Elektronik, PNM	16.06.2015
16	Siti Kalsum binti Ibrahim	Penolong Pustakawan S27	Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Perpustakaan Negara Negeri Perlis	16.06.2015
17	Che Hilmy bin Che Musa	Penolong Pustakawan S27	Istana Negara, Kuala Lumpur	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, PNM	16.06.2015
18	Marliza binti Kamba	Penolong Pustakawan S27	Kolej Komuniti Tawau, Sabah	Memangku – Penolong Pustakawan S32 Jabatan Peguam Negara, W.P. Putrajaya	16.06.2015
19	Abd Rani bin Abdul	Pembantu Perpustakaan S22	Jabatan Penyiaran Malaysia, Kuala Lumpur	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Pemuliharaan, PNM	20.05.2015
20	Ibrahim bin Sabtu	Pembantu Perpustakaan S22	Bahagian Pinjaman, PNM	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Gerakan Literasi Maklumat, PNM	20.05.2015
21	Abdul Hakim bin Abdul Latif	Pembantu Perpustakaan S22	IPG Kampus Pendidikan Islam, Selangor	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Komunikasi Korporat, PNM	20.05.2015
22	Rusiah binti Awang	Pembantu Perpustakaan S22	Bahagian Pembinaan Koleksi, PNM	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Pembinaan Koleksi, PNM	20.05.2015
23	Abd Aziz bin Tahir	Pembantu Perpustakaan S22	Bahagian Penyelidikan, PNM	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Khidmat Nasihat dan Perundingan, PNM	20.05.2015
24	Kamariah binti Abd Rashid	Pembantu Perpustakaan S22	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), W.P. Putrajaya	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Pembangunan dan Perpustakaan Desa, PNM	20.05.2015
25	Thalathiah binti Awang	Pembantu Perpustakaan S22	Pusat Kebangsaan Manuskip Melayu, PNM	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Bahagian Komunikasi Korporat, PNM	16.06.2015
26	Nahariah binti Abdul Aziz	Pembantu Perpustakaan S22	Perpustakaan Awam Islam, Kuala Lumpur	Memangku – Pembantu Perpustakaan S26 Pusat Penyerahan Terbitan Negara, PNM	16.06.2015
27	Azalan bin Othman	Pembantu Pemuliharaan S17	Arkib Negara Malaysia	Memangku – Pembantu Pemuliharaan S22 Bahagian Pemuliharaan, PNM	05.05.2015
28	Zurainie binti Zaidi	Pembantu Setiausaha Pejabat N17	-	Lantikan baru – Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, PNM	01.04.2015



PERKONGSIAN ILMU: EVIDENCE BASED LIBRIANSHIP

Evidence Based Librarianship (EBL) boleh difahami sebagai segala tindakan yang dilakukan oleh pustakawan haruslah berasaskan bukti. Bukti yang dimaksudkan ini adalah seperti yang terdapat dalam artikel daripada jurnal dan *literature*, pemerhatian, temubual, *survey*, laporan statistik, pengetahuan dan pengalaman.

Untuk tujuan apa bahan-bahan bukti ini diperlukan? Ianya diperlukan untuk ;

- Membuat keputusan yang tepat
- Menyelesaikan masalah
- Memperbaiki keputusan yang telah dibuat
- Mempengaruhi seseorang
- Menjalankan rundingan dengan lebih berkesan

EBL ini merupakan satu mekanisma untuk menambahbaik perkara-perkara yang dilakukan oleh pustakawan samaada untuk pengurusan koleksi, manusia, perkhidmatan yang diberi dan lain-lain lagi.

EBL atau EBLIP ini juga kerap dipraktikkan oleh pustakawan kesihatan atau dibidang perubatan (*health medical librarian*) dimana ianya membantu pustakawan membuat keputusan didalam kerja harian bagi mereka membantu para pengamal perubatan membuat keputusan. Pustakawan ini menggunakan pelbagai methodology didalam

menjalankan penyelidikan dan penilaian mengenai perkhidmatan perpustakaan mereka. Penyelidikan mereka merupakan faktor penentu kepada perkembangan bidang kesihatan dan perubatan dan juga faktor penentu pengurusan perpustakaan mereka.

Adakah EBL hanya *buzz word*? EBL sebenarnya telah lama dipraktikkan oleh pustakawan. Proses EBL membantu dalam membuat keputusan tepat berdasarkan pengalaman atau *empirical evidence / research (qualitative and quantitative)*

Perkara EBL ini masih hangat diperdebatkan sekarang ini. Ini kerana terdapat faktor perbezaan pendapat seperti faktor;

- Banyak masa diperlukan untuk mendapatkan atau mencari bukti
- Kecekapan mendapatkan bukti
- Walaupun semakan kepada jurnal artikel, tinjauan dan temubual boleh dilakukan tetapi untuk membuat kajian yang terperinci memakan masa yang panjang.
- Kajian atau penyelidikan mana yang lebih sesuai kuantitatif atau kualitatif.
- Walaubagaimanapun EBL ini boleh membantu dalam pengurusan perpustakaan dan membantu pengguna membuat keputusan berdasarkan bukti-bukti sahih yang ada.

Jonathan Eldredge, Briton Andrew Booth, Denise Koufogiannakis, Ellen Crumley, Lorie Kloda dan Peter Brophy adalah pakar kepada proses *Evidence Based Librarianship (EBL)* atau *Evidence Based Library and Information Practise (EBLIP)*

Mutiara kata

- ◊ Kegagalan pertama, tidak ianya terus gagal: tetapi ianya kan membangkitkan cita-cita yang bersemangat lagi teguh bagi sesiapa yang pernah mengalaminya
- ◊ Belajarlah bersyukur ketika mendapat keuntungan dan belajarlah tersenyum ketika menghadapi kerugian
- ◊ Orang yang tahu mengambil tetapi tidak tahu memberi tidak akan mengecap bahagia
- ◊ Hindarilah diri dari menjadi manusia yang suka berpuak-puak dan berpecah-pecah. Contohhlah resam semut bila bertemu seakan bersalam dan suka bekerja sama di antara satu sama lain.
- ◊ Ibarat sekuntum mawar merah dipupuk embun pagi lalu disinari suria indah bak pelangi, begitulah jiwa murni seseorang manusia
- ◊ Terbitnya kebaikan dari keburukan dan terbitnya amalan dari pengetahuan

Info

17 NILAI-NILAI MURNI 1MOTAC

- * Hormat-menghormati dalam kalangan warga KPK dan orang sekeliling;
- * Berpengetahuan dan tidak malu bertanya;
- * Kerjasama dalam melakukan sesuatu tugasan;
- * Bersyukur terhadap apa yang dimiliki dan tidak merungut;
- * Berdaya saing yang sihat;
- * Menghargai masa terutamanya memulakan serta menghabiskan mesyuarat tepat pada masanya;
- * Disiplin diri seperti menepati waktu *punch card*, waktu makan serta tidak menggunakan masa kerja untuk urusan peribadi;
- * Bertanggungjawab terhadap kerja yang diberikan;
- * Amanah terutamanya dalam tatacara kewangan;
- * Adil dalam pembahagian tugasan;
- * Prihatin serta mengambil berat dalam kalangan pekerja;
- * Berfikiran positif dalam kehidupan harian;
- * Benar dalam melakukan tugasan dan cuba untuk tidak melakukan sesuatu yang melanggar peraturan;
- * Berani dalam menegakkan keadilan dan membetulkan keadaan;
- * Murah hati;
- * Yakin diri dalam memberi perkhidmatan kepada orang awam; dan
- * Tidak mengambil hak orang lain dari segi menghargai idea orang lain.

TIPS URUS BELANJA

- SENARAIKAN barang keperluan yang ingin dibeli.
- Letakkan dalam BAJET jumlah barang yang dikehendaki.
- Lakukan penelitian premis yang hendak dikunjungi untuk lebih BERJIMAT.
- ELAK menggunakan KAD KREDIT.
- USAH berbelanja ketika PERUT LAPAR kerana ini mendorong kita BERBELANJA LEBIH.
- Beli barang keperluan secukupnya dan ELAK PEMBAZIRAN.
- Pastikan barang yang dibeli mempunyai NILAI berpatutan.
- ELAK membeli BARANGAN IMPORT sedangkan ada barang buatan tempatan memiliki kualiti yang sama.





KEMENTERIAN
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA



Year of Festivals
2015
Tidy Asia
Endless Celebrations



PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 JALAN TUN RAZAK, 50572, KUALA LUMPUR

T. 603 2687 1700 | F. 603 2694 2490

www.pnm.gov.my



blogpnm.pnm.gov.my



[www.facebook.com/
PerpustakaanNegaraMalaysia](http://www.facebook.com/PerpustakaanNegaraMalaysia)



https://twitter.com/PNM_sosial